

23 FEB 2003

NAM-Mahathir (OIC)

MAHATHIR AKAN HADIRI SIDANG TERGEMPAR OIC DI QATAR WALAUPUN CUTI

KUALA LUMPUR, 23 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan menghadiri sidang tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang dijadualkan di Doha, Qatar pada 4 dan 5 Mac ini.

Sidang tergempar itu dipanggil oleh Qatar, selaku Pengerusi OIC pada masa ini, yang dijangka menumpukan perhatian kepada krisis Iraq yang kini menghadapi ancaman serangan oleh Amerika Syarikat dan sekutunya.

"Saya kena hadirilah pasal kita buat mesyuarat (perbincangan tidak rasmi OIC yang dijadualkan pada 26 Feb ini) di sini dengan persetujuan Qatar dan kalau dia jemput kita, kena hadirilah," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dua hala dengan tujuh pemimpin negara-negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) yang berada di sini untuk Sidang Kemuncak NAM ke-13 esok.

Malaysia, tuan rumah kepada sidang kemuncak NAM, mengambil inisiatif menganjurkan perbincangan tidak rasmi negara-negara OIC dengan mengambil kesempatan daripada kehadiran negara-anggota OIC yang juga anggota NAM di sidang kemuncak ini. Daripada 114 negara anggota NAM, 50 adalah juga negara OIC.

Ketika menjawab soalan bahawa beliau sedang bercuti pada tarikh sidang tergempar OIC itu, Dr Mahathir berkata beliau tetap akan menghadiri sidang tergempar itu.

"Saya terpaksa tangguh cuti saya, lepas tu kena gantilah," katanya. Dr Mahathir akan bercuti selama dua bulan mulai 1 Mac ini.

Mengenai perbincangan dua hala yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) petang ini, Perdana Menteri berkata perbincangan kebanyakannya bertumpu mengenai masa depan NAM dan apa yang perlu dibuat oleh NAM dalam menangani cabaran semasa.

Dr Mahathir berkata beliau juga mendapat taklimat daripada Presiden Afrika Selatan Thabo Mbeki yang akan melepaskan jawatan pengerusi NAM kepada Malaysia, mengenai apa yang telah dibuat oleh Afrika Selatan supaya Malaysia dapat meneruskannya.

"Presiden Mbeki nak supaya dikemaskan lagi NAM dan berpendapat bahawa kita perlu ada `consultation' di New York, Geneva dan WTO (Pertubuhan Perdagangan Sedunia) supaya kita dapat mengadakan pendirian yang sama," katanya.

Selain Mbeki, Dr Mahathir mengadakan perbincangan dengan Presiden Zimbabwe Robert Mugabe, Perdana Menteri Nepal Lokendra Bahadur Chand, Presiden Indonesia Megawati Soekarnoputri, Perdana Menteri India Atal Bihari Vajpayee, Presiden Nigeria Olusegun Obasanjo dan Perdana Menteri Papua New Guinea Sir Michael T. Somare.

Menyentuh pernyataan berhubung Iraq yang dihasilkan pada sidang kemuncak NAM ini, Perdana Menteri berkata pada perbincangan dua hala yang diadakan itu, semua negara pemimpin dan ketua kerajaan menyokong supaya diadakan pernyataan berkenaan.

"Semuanya menyokong supaya kita mengadakan `Statement on Iraq', tinggal lagi ada yang memikir kita perlu lebih tegas," katanya.

Mesyuarat peringkat menteri NAM semalam dilaporkan telah mencapai kata sepakat berkenaan isu Iraq, yang menurut para pegawai antara lain, menyuarakan nasihat NAM supaya Iraq mematuhi resolusi 1441 Majlis Keselamatan PBB.

-- BERNAMA

MNY MAM MOZ